

05/12/1997

Lanun: Keselamatan pelabur dijamin

LANGKAWI, Khamis - Kerajaan memberi jaminan akan berusaha memastikan keselamatan pelaburan asing dalam bidang maritim di negara ini bebas daripada ancaman lanun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pelabur asing tidak seharusnya dipengaruhi laporan yang mendakwa kegiatan lanun di rantau ini yang meningkat menggugat keselamatan secara keseluruhannya.

Beliau menegaskan, masalah lanun dan rompakan di laut adalah sesuatu kejadian yang tidak berkait di antara satu sama lain dan berlaku di seluruh dunia.

"Menyentuh isu keselamatan, saya memberi jaminan bahawa kerajaan akan melaksanakan apa yang perlu untuk memastikan pelaburan asing selamat dan tidak terjejas.

"Jangan anda biarkan laporan masalah lanun menyebabkan wujudnya anggapan kurang tepat mengenai kedudukan keselamatan sebenar di rantau ini," katanya ketika merasmikan Persidangan Maritim Antarabangsa di kapal pesiaran mv Star Pisces di Tanjung Malai, hari ini.

Persidangan itu diadakan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97) yang bermula Selasa lalu. Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurut Dr Mahathir, negara pesisir pantai di rantau ini boleh mengatasi masalah lanun menerusi kerjasama serantau yang berkesan dan ia sudah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu.

"Inilah yang dilaksanakan oleh Malaysia, Singapura dan Indonesia yang berjaya mengurangkan kejadian lanun di Selat Melaka daripada 32 kes pada 1991 kepada lapan kes tahun lalu," katanya.

Selain itu, antara langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan dan pertahanan pesisir pantai ialah mewujudkan Sistem Pengawasan Laut (SSS) berharga RM100 juta.

Perdana Menteri berkata, selain mengendalikan pergerakan trafik, sistem membabitkan penggunaan radar itu turut mengawasi kapal yang disyaki melakukan kesalahan tertentu.

"Fasa pertama projek di sepanjang Selat Melaka sudah pun dipasang dan ketika ini sedang diuji," katanya.

Menyentuh perkembangan industri maritim, Dr Mahathir berkata, peningkatan sektor itu menyebabkan wujud masalah lain seperti kekurangan sumber manusia, serta persaingan dengan sektor negara lain.

Katanya, bukan saja pengambilan kakitangan baru menjadi satu halangan besar, malah usaha mengekalkan staf lama dalam karier maritim masing-masing turut menjadi masalah ketara.

"Memandangkan kerajaan tidak boleh memaksa rakyat memilih kerjaya di bidang maritim, usaha membudayakan bidang maritim giat dijalankan," katanya.

(END)